

Mangsa banjir Kelantan meningkat, Terengganu berkurangan

KOTA BHARU – Keadaan banjir di Kelantan pagi semalam bertambah buruk apabila jumlah mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan meningkat kepada 3,441 orang manakala keadaan banjir di Terengganu semakin pulih.

Di Kelantan, jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan berkata sebanyak 27 pusat pemindahan dibuka untuk menempatkan kesemua mangsa banjir dari enam daerah iaitu Bachok, Kota Bharu,

Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah dan Tumpat.

“Sehingga pukul 8.30 pagi ini, mangsa banjir terus meningkat kepada 3,441 orang berbanding 2,777 orang malam semalam. Kesemua mereka melibatkan 1,011 keluarga,” katanya kepada Bernama di sini semalam.

Jurucakap itu berkata, daerah Pasir Mas paling teruk terjejas dengan 16 pusat pemindahan dibuka manakala enam pusat di Kota Bharu, dua pusat di Tumpat dan

masing-masing satu di Bachok, Pasir Puteh dan Tanah Merah.

Enam laluan masih ditutup kepada kenderaan ringan di daerah Pasir Mas iaitu Kilometer (KM) 3 Jalan Pengkalan Rakit, KM9 Pohon Tanjung-Rantau Panjang (Jalan Lama) Kampung Siram, Pohon Tanjung-Meranti, KM10 Jalan Rantau Panjang-Panglima Bayu, KM23 Jalan Banggol Kulim Lokasi 2 dan KM24 Lebuhraya Pasir Mas-Rantau Panjang.

Jurucakap itu berkata, paras air

Sungai Golok masih melebihi paras bahaya sembilan meter bagaimana pun telah menurun kepada 10.22 meter berbanding 10.32 meter yang dilaporkan kelmarin.

Di Terengganu, keadaan banjir di negeri ini semakin pulih dengan jumlah mangsa yang masih berada di pusat-pusat pemindahan pada pagi semalam hanya seramai 116 orang berbanding 254 orang malam kelmarin.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negara negeri berkata, keadaan

banjir di daerah Besut telah pulih sepenuhnya apabila kumpulan terakhir seramai 121 mangsa telah dibenarkan pulang malam semalam.

Katanya, jumlah mangsa banjir yang masih berada di pusat pemindahan di Dungun kini hanya sebanyak lapan orang, Kemaman (24) dan Setiu (84).

Beliau berkata, hanya empat pusat pemindahan masih lagi beroperasi iaitu masing-masing satu di Kemaman dan Dungun dan dua di Setiu.